

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 14/05/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 5

Tajuk : ANGKASA serah lima unit komputer kepada SMK Kelana Jaya

Angkasa serah lima unit komputer kepada SMK Kelana Jaya

SINAR 14/5/2019 MS 5

FOTO SHARIFUDIN ABD RAHIM



Abdul Fatah (empat dari kiri) menyerahkan komputer kepada Pengetua SMK Kelana Jaya, Jamaluddin Haron sempena Majlis Gimik Penyerahan Komputer semalam.

PETALING JAYA - Angkasan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyerahkan lima unit komputer kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kelana Jaya dalam satu majlis gimik penyerahan di sini semalam.

Abdul Fatah berkata, sumbangan itu adalah sebahagian daripada program pihaknya bagi meningkatkan kemudahan di sekolah berkenaan.

"Usaha ini bagi meningkatkan lagi mutu kerja para pelajar dan guru di

sekolah ini.

"Diharap ia dapat memberi manfaat yang maksimum mungkin kepada sekolah ini," katanya ketika menyampaikan ucapan sempena gimik penyerahan sumbangan berkenaan di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga berharap agar sumbangan itu dapat meningkatkan pembangunan sosioekonomi sekolah berkenaan menerusi penggunaan teknologi maklumat secara mampan.

"Para pelajar boleh menggunakannya untuk

tujuan meningkatkan kemahiran dan mengaplikasikan kemudahan yang ada bagi menjana ekonomi menerusi koperasi sekolah," katanya.

Dalam pada itu katanya, pemberian komputer ini juga sebagai satu tanggungjawab sosial pihaknya kepada institusi pendidikan khususnya terhadap koperasi sekolah.

"Kita melihat pada jangka masa panjang koperasi sekolah merupakan platform terbaik untuk melatih usahawan pada masa akan datang," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA